

**KAJIAN KEMUDAHAN MASYARAKAT  
DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI DI PUSAT PENTADBIRAN KECIL  
POS KOYAN, KUALA LIPIS PAHANG**

Oleh

**NORHAFIZAH BINTI MOHAMAD NADZIRI**

**Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah  
Fakulti Senibina , Perancangan Dan Ukur  
Universiti Teknologi MARA  
Shah Alam**

**Mac 2002**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Taala yang telah memberi taufik dan hidayahnya hingga dapat menyempurnakan Kajian Akhir ini pada masa yang ditetapkan. Di kesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih terutama kepada Penyelia Kajian Akhir ini iaitu Prof. Madya Dr. Wan Salleh bin Wan Ibrahim yang telah memberi tunjuk ajar serta bimbingan semasa penyediaan kajian ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Tuan Yahya bin Hj. Ahmad, En. Azam dan Tuan Syed dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Semenanjung Malaysia. Tidak lupa kepada En. Roslan dari JHEOA daerah Lipis dan semua kakitangan Unit Perancang Bandar Majlis Daerah Lipis yang telah membantu terhadap penyediaan bahan-bahan yang diperlukan.

Tidak dilupakan juga, kepada masyarakat Orang Asli di Pusat pentadbiran Kecil Pos Koyan, Kuala Lipis kerana telah memberi kerjasama yang baik semasa tinjauan dan kajiselidik dijalankan.

Terima kasih, juga yang tidak terhingga ditujukan kepada ayahanda En. Mohamad Nadziri bin Tan dan Ibunda Pn. Azizah bt. Samah serta keluarga tersayang yang tidak jemu memberi semangat dan dorongan untuk menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menyiapkan kajian ini. Dengan bantuan dan kerjasama dari semua pihak, Alhamdilillah kajian ini dapat disempurnakan.

Sekian, Wassalam

## **ABSTRAK**

Orang Asli merupakan kaum asal di Semenanjung Tanah Melayu. Namun masyarakat ini masih ketinggalan dari arus pembangunan dan kemajuan. Secara majoritinya masyarakat ini masih tinggal di kawasan pedalaman tanpa adanya kemudahan dan infrastruktur yang mencukupi bagi memberikan taraf hidup yang selesa dan terjamin. Ekoran daripada itu, kajian akhir ini telah dijalankan untuk mengkaji Kemudahan Masyarakat Di Perkampungan Orang Asli iaitu di Pusat Pentadbiran Kecil Pos Koyan, Kuala Lipis, Pahang. Dalam masa yang sama, arah aliran perubahan sosial masyarakat pedalaman ini turut dikenalpasti bagi melihat sejauh mana tahap perubahan yang telah dialami oleh mereka. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan teknik soal selidik keatas penduduk kawasan kajian iaitu seramai 90 sampel. Sampel dipilih secara rawak. Selain itu temuramah dengan Pegawai Pentadbir kawasan kajian juga dijalankan bagi mendapatkan maklumat tambahan mengenai kajian. Hasil daripada soal selidik yang dijalankan penemuan masalah telah dikenalpasti iaitu tahap perubahan sosial masyarakat masih di awal peralihan ketahap masyarakat moden kampung. Kemudahan di kawasan kajian juga masih di peringkat paling awal di mana tidak terdapat kemudahan kemudahan masyarakat yang dapat mengokong kehidupan masyarakat. Masalah penyediaan kemudahan di sebabkan oleh masalah penempatan yang berselerak. Cadangan akan dikemukakan untuk menyelesaikan masalah yang wujud. Cadangan yang dibuat merangkumi strategi-strategi pembangunan iaitu Pembangunan Semula Kampung dan penyediaan kemudahan-kemudahan masyarakat. Pembangunan untuk masyarakat Orang Asli juga penting agar tahap penghidupan mereka lebih baik dan tidak ketinggalan dalam arus pembangunan.

<b>SENARAI ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Jadual	iii
Senarai Rajah	iv
Senarai Foto	vii
Senarai Singkat Kata	viii

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
----------------------	-------------------

## 1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Masalah	2
1.3 Tujuan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Skop Kajian	4
1.6 Kawasan Kajian	5
1.7 Kaedah Kajian	6

## 2.0 KAJIAN TEORITIKAL DAN KAWASAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	9
2.2 Definisi Orang Asli	10
2.3 Kumpulan Orang Asli di Semenanjung Malaysia	11
2.3.1 Negrito	12
2.3.2 Melayu Asli	13

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pelbagai rancangan dan pembangunan telah dirancang dan diatur bagi memajukan negara ini. Namun begitu, dalam mengejar kemajuan kita kian terlupa bahawa masih terdapat masyarakat yang jauh ketinggalan dari arus pembangunan dan kemajuan iaitu masyarakat Orang Asli.

Walaupun terdapat projek pembangunan semula masyarakat Orang Asli seperti di Bukit Lanjan, Selangor yang boleh menjadi nadi perubahan kehidupan masyarakat minoriti ini secara total. namun ianya terlalu kecil jika dibandingkan dengan sebilangan besar masyarakat ini yang kebanyakannya masih tinggal terpencil dan terpinggir dari petempatan masyarakat lain. Kebanyakan mereka masih hidup dalam serba kekurangan tanpa adanya kemudahan dan infrastruktur yang mencukupi bagi memberikan mereka taraf hidup yang selesa dan terjamin.

Aspek yang dikaji dalam kajian ini adalah berkaitan dengan kemudahan masyarakat di perkampungan Orang Asli iaitu dengan melihat sejauh mana kemudahan ini diperoleh dan memberi kepuasan terhadap kehendak golongan ini. Selain itu, sejauh mana penyediaan kemudahan-kemudahan ini dapat mewujudkan kemajuan pembangunan terhadap masyarakat ini.

Di samping dapat memajukan kawasan tersebut, kemudahan amat berguna terhadap pembangunan komuniti. Namun begitu, kemudahan ini juga memerlukan perancangan yang baik agar ianya wujud bukanlah bermatlamatkan pembaziran. Penyediaannya mestilah melihat kepada keperluan dan kehendak masyarakat itu sendiri iaitu dari segi perubahan sosial masyarakat pribumi ini.